

Newspaper	Berita Harian
Date	24/08/2017

# Utamakan projek impak tinggi: PM

BH- 24/8/2017 PG. 2

➔ NCIA perlu manfaat nod pertumbuhan untuk wujud peluang kerja, perniagaan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak mahu Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) terus memberi penekanan kepada projek pembangunan nod pertumbuhan atau berimpak tinggi di koridor berkenaan yang sudah dikenal pasti.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq, berkata perkara itu ditekankan pada mesyuarat NCIA Ke-18 yang dipengerusikan Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

"Kita ada tujuh nod pertumbuhan atau projek impak tinggi iaitu Kedah Rubber City dan Kedah Science and Technology Park di Kedah;

Greater Kamunting Conurbation dan Manjung-Aman Jaya Maritime City di Perak; Chuping Valley Industrial Area dan Perlis Inland Port di Perlis serta Batu Kawan Development di Pulau Pinang.

## Bantu golongan B40

"Perdana Menteri mahu nod pertumbuhan ini dimanfaatkan untuk terus mewujudkan peluang kerja, perniagaan dan impak sosial menerusi inisiatif inovasi sosial bagi membantu golongan B40 meningkatkan pendapatan.

"Malah, kita juga akan melihat keperluan meneroka peluang ekonomi di wilayah Perak selatan," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat berkenaan.

Selain itu, Redza berkata, NCIA juga akan terus berusaha memperkembangkan inisiatif inovasi



Kita akan terus bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan, serta pihak akademik bagi memastikan program kita berjaya dan limpahan program yang dijalankan dapat dirasai rakyat di koridor ini"

**Redza Rafiq,**  
Ketua Eksekutif NCIA

sosial yang ditekankan dalam Pelan Tindakan 2.0 Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang dilancarkan minggu lalu.

## Pastikan program berjaya.

"Kita akan terus bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan, serta pihak akademik bagi memastikan program kita berjaya dan limpahan program yang dijalankan dapat dirasai rakyat di koridor ini.

"Ada banyak projek inovasi sosial sedang dalam perancangan NCIA dan akan dilaksanakan bagi tahun ini dan tahun depan," katanya.

Sementara itu beliau berkata, sejak penubuhan NCIA pada 2008 hingga Jun lalu, ia berjaya meraih pelaburan terkumpul RM84.5 bilion dengan mewujudkan 108,630 peluang pekerjaan.